

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2

Kerajaan kaji semula tahap gaji minimum – PM

Kerajaan kaji semula tahap gaji minimum – PM

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat menerusi Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat yang dilancarkan beliau pada Khamis.

Beliau berkata, ini merangkumi keperluan perlindungan sosial untuk semua, pekerjaan dengan gaji bermakna serta

perkongsian kekayaan bagi membina masyarakat lebih saksama dan sejahtera.

"Kejayaan pembaharuan struktur ekonomi perlu dihitung setakat mana ia mampu mewujudkan lebih banyak pekerjaan dengan gaji yang bermakna kepada rakyat Malaysia," katanya.

Anwar berkata, kadar upah dan gaji buruh berbanding jumlah keseluruhan pendapatan di

Malaysia adalah sebanyak 32.4 peratus bagi tahun lepas.

Beliau berkata, bagi mencapai perkongsian ekonomi yang lebih seimbang, kerajaan akan melaksanakan dasar yang menyokong peningkatan upah berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke tahap 45 peratus selaras dengan tahap negara lebih maju.

"Antara usaha termasuklah kajian semula tahap gaji mini-

mum serta memperkenalkan undang-undang yang menjamin persekitaran kerja yang selamat dan selesa.

"Selain pelaksanaan gaji minimum, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia sedang memperhalusi model gaji progresif ke arah kenaikan pendapatan yang lebih terangkum," kata beliau.

Kadar gaji minimum di ne-

gara ini buat masa ini ialah sebanyak RM1,500 sebulan, namun pelbagai pihak menuntut ia dinaikkan ke RM1,800 sebulan susulan peningkatan kos sara hidup.

Menurut Perdana Menteri, peningkatan pendapatan yang selaras dengan produktiviti adalah kritikal bagi memastikan tahap kualiti hidup yang bermakna dalam menangani cabaran kos sara hidup.